

# Pemikiran Tafsir Sheikh Mohamed Idris al-Marbawi dalam Manuskrip *Quran Bergantung Makna Melayu*

Haziyah Hussin<sup>1</sup>, Latifah Abdul Majid<sup>1</sup>, Nor Syamimi Mohd<sup>2</sup>,  
Wan Nasryudin Wan Abdullah<sup>1</sup> & Sabri Mohamad<sup>1</sup>

Email: haziyah@ukm.edu.my, umilm@ukm.edu.my, syamimi8913@gmail.com,  
tokwedin@ukm.edu.my, sabri\_m@ukm.edu.my

<sup>1</sup>Pensyarah di Jabatan Pengajian al-Quran & al-Sunnah, FPI, UKM

<sup>2</sup> Fellow di Jabatan Pengajian al-Quran & al-Sunnah, FPI, UKM

## Abstrak

Manuskrip Melayu Islam adalah warisan ilmu dalam bidang keagamaan yang dihasilkan oleh intelektual Melayu yang menjadi lambang kesarjanaan mereka. Ia mencerminkan falsafah dan jati diri bangsa Melayu dan nilai keagamaan yang menunjang kehidupan mereka. Antara manuskrip yang baru didedahkan penemuannya kepada masyarakat umum ialah *Quran Bergantung Makna Melayu* dan *Tafsir Quran Marbawi yang Ringkas*, karya tafsir yang dihasilkan oleh Mohamed Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi. Kedua-dua manuskrip tafsir ini sangat signifikan dalam konteks kajian khazanah tafsir di Malaysia dan Nusantara. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memperkenalkan manuskrip *Quran Bergantung Makna Melayu* kerana pendekatan tafsirnya bersifat analitikal (*tafsir tahlili*) berbanding *Tafsir Quran Marbawi yang Ringkas* yang mengandungi tafsir yang sangat ringkas yang lebih hampir kepada konsep *tarjamah tafsiriyyah*. Gaya pentafsiran secara analitikal mewajarkan kajian terhadap pendekatan tafsir yang diaplikasi oleh al-Marbawi dan beberapa aspek pemikiran tafsirnya. Kaedah analisis kandungan terhadap manuskrip *Quran Bergantung Makna Melayu* digunakan bagi mendapatkan data, kemudian dianalisis secara deskriptif. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pendekatan tafsir yang diaplikasikan oleh al-Marbawi menepati pendekatan tafsir yang diaplikasikan oleh para ulama dan sarjana iaitu berdasarkan *tafsir bi ma'thur* dan *tafsir bi ra'y*. Namun, kajian ini mendapati pendekatan *tafsir bi ra'yi* adalah lebih dominan dalam manuskrip tafsirnya. Aspek pemikiran yang diketengahkan oleh al-Marbawi dalam pentafsiran al-Quran pula bersifat semasa dan relevan dengan masyarakat setempat khususnya ketika mentafsirkan ayat-ayat berkaitan hukum, perundangan dan sains. Implikasi kajian menunjukkan bahawa manuskrip *Quran Bergantung Makna Melayu* adalah tafsir sahih yang diangkat sebagai karya yang mengandungi nilai kontemporari dan menjadi sumber penting dalam ilmu Islam.

**Kata kunci:** Manuskrip Melayu, Idris al-Marbawi, tafsir Malaysia, tafsir Nusantara, *tafsir bi al-ma'thur*

## Abstract

Malay Muslim manuscripts is the knowledge heritage in the field of religion written by the Malay intellectual who became a symbol of their scholarship. It reflects the philosophy and identity of the Malay race and religious values that underpin their lives. Among the manuscript that just being disclosed to the general population is the *Quran Bergantung Makna Melayu* and *Tafsir Quran Marbawi yang Ringkas*, both by Mohamed Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi. Both interpretation manuscripts are highly significant in the context of the collection of valuable interpretation studies in Malaysia and Malay Archipelago. However, this study only introduced *Quran Bergantung Makna Melayu* manuscript because of its analytical approach of interpretation (*tafsir tahlili*) compared to *Tafsir Quran Marbawi yang Ringkas* which is a brief commentary; closer to the concept of *tarjamah tafsiriyyah*. Analytical style of interpretation justifies the studies conducted on the interpretation approach applied by al-Marbawi and few aspects of his interpretation thought. Content analysis method is used to *Quran Bergantung Makna Melayu* manuscript in order to collect the data and analyze it by description. This study demonstrates the interpretation approach applied by al-Marbawi associated with the theologians and Islamic Scholars which are established on *tafsir bi ma'thur* and *tafsir bi ra'yi*. Also, it reveals that *tafsir bi ra'yi* approach is dominant in his manuscript. Al-Marbawi's thought covers a wide range of subjects and relevant topic to the local community; jurisprudence, law and science discipline. The implications of the study determine the *Quran Bergantung Makna Melayu* is an authentic interpretations having contemporary value and also, it serves an important source of understanding Islam.

**Keywords:** Malay manuscript, Idris al-Marbawi, Malaysian tafsir, Malay Archipelago Tafsir, *tafsir bi al-ma'thur*

## 1. Pengenalan

Perkembangan jiwa dan keperibadian individu dipengaruhi oleh beberapa faktor; antaranya latar belakang pendidikan, minat dan peluang. Disiplin ilmu yang dipelajari, tahap kecerdasan, pengalaman, penemuan-penemuan ilmiah, suasana politik dan sosial juga turut memainkan peranan dalam memberikan pengaruh terhadap perkembangan intelektualitinya. Elemen-elemen ini terzahir dalam sejarah kehidupan Sheikh Mohamed Idris al-Marbawi (1896-1989) sehingga menjadikan dirinya seorang tokoh ulama Melayu prolifik dan ensiklopedik di Nusantara. Beliau banyak menulis dan menerbitkan buku-buku dalam pelbagai bidang, termasuk linguistik Arab dan perkamusahan, fiqh, tafsir dan hadis. Penulisan buku-buku ini dalam bahasa Melayu mencerminkan keprihatinan al-Marbawi terhadap bangsanya meskipun beliau berada di perantauan. Ia juga menjadi bukti akan kehebatan anak Melayu sekali gus membina jaringan intelektual antara Nusantara dan Timur Tengah. Pelbagai kajian telah dilakukan untuk menonjolkan sisi kehebatan tokoh ini. Mahani (1990) dan Ismail Mat Ludin (1991) mengkaji biografi al-Marbawi dan sumbangannya terutamanya dalam bidang penulisan. Abd. Rauf (2006), Zamri & Md. Nor (2006) dan Nik Norimah & Zamri (2013) pula melihat pemikiran al-Marbawi dalam bidang perkamusahan khususnya *Kamus Arab-Melayu*. Mustaqim (2003), Mohd Fauzi et.al. (2006), Faisal (2006; 2007; 2013), Latifah (2008) dan Ishak (2012) menganalisis kewibawaan ulama ini dan sumbangannya dalam pelbagai dimensi pengajian hadis menerusi kitab *Bahr al-Madhi*, manakala Anwar Ridhwan (2007) menfokuskan kepada *Kitab Idangan Guru Sahih al-Bukhari dan Muslim*. Dalam bidang tafsir pula, Nor Rafidah (2002), Nor Azlida (2010), Mustaffa (2009) dan Muhd Najib et al. (2011) menumpukan kajian kepada dua kitab sahaja iaitu *Tafsir Quran Marbawi Juz Ali Lam Mim* dan *Tafsir Surah Yasin (terjemahan tafsir Fath al-Qadir)*. Penemuan manuskrip tafsir *Quran Bergantung Makna Melayu* sangat signifikan kerana mempunyai nilai keaslian karya yang tinggi berbanding karya-karya tafsir al-Marbawi yang lain. Ia juga mengukuhkan kewibawaan al-Marbawi sebagai seorang pentafsir.

Oleh itu, objektif artikel ini ialah memperkenalkan manuskrip *Quran Bergantung Makna Melayu* dan menganalisis pendekatan tafsir yang diaplikasi oleh al-Marbawi dan beberapa aspek pemikirannya dalam tafsir. Rekabentuk analisis kandungan digunakan dalam kajian ini. Data dikumpulkan melalui kaedah analisis dokumen iaitu manuskrip *Quran Bergantung Makna Melayu*, kemudian dianalisis secara deskriptif bertema. Tema-tema yang ditetapkan ialah gaya penulisan, uslub tafsir, aplikasi *tafsir bi al-ma'thur* dan aplikasi *tafsir bi al-ra'y* serta beberapa elemen lain yang berkaitan dengan kedua-dua metode asas tersebut.

## 2. Latar Belakang Sheikh Idris al-Marbawi

Nama penuh al-Marbawi ialah Mohamed Idris bin Abdul Rauf bin Ja'far bin Idris al-Marbawi al-Azhari (Ismail 1991). Keluarganya berasal dari Lubuk Merbau yang terletak dalam Daerah Kuala Kangsar, Perak, tetapi bermustautin di Mekah pada awal tahun 1890-an. Al-Marbawi dilahirkan di Kampung Misfaloh, Mekah pada 28 Zulkaedah 1313 Hijrah bersamaan 12 Mei 1896 (Mustaqim 2003; Faisal 2007). Keluarga ini kembali ke kampung halaman mereka pada awal 1990an dan al-Marbawi meneruskan pengajiannya di Sekolah Melayu Lubuk Merbau ketika berusia 11 tahun. Minat dan kecenderungan dalam bidang pengajian Islam telah mendorong al-Marbawi untuk menyambung pengajian di Pondok Sheikh Wan Muhammad Wan Husain (1849-1929), di Bukit Chandan, Kuala Kangsar. Selepas tiga tahun, beliau berpindah ke pondok Tuan Hussein al-Mas'udi (1863-1936) di Kedah, kemudian ke pondok Sheikh Ahmad al-Fatani yang dikenali sebagai Madrasah al-Masriyah di Padang Lalang, Bukit Mertajam selama empat tahun (Abdul Salam 2003; Faisal 2007; Latifah 2008). Selepas itu al-Marbawi berguru pula dengan Sheikh Muhammad Yusuf bin Muhammad (1868-1933) atau Tok Kenali di Kelantan dalam ilmu nahw dan sarf (Faisal 2013). Beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan Tok Kenali dan banyak memperoleh ilmu daripadanya (Wan Saghir 2008). Oleh itu, tidak hairanlah, beliau dikatakan terpengaruh dengan pemikiran islah dan beberapa aspek pemikiran Tok Kenali yang lain seperti kesedaran terhadap kepentingan pendidikan dan minat kepada aktiviti penulisan (Mohd Fauzi et.al. 2006; Latifah 2008, 59). Selain berguru dengan Tok Kenali, al-Marbawi juga mengikuti pengajian agama di Masjid al-Muhammadi, Kelantan (Faisal 2007).

Al-Marbawi menyambung pengajiannya di Universiti al-Azhar, Mesir pada tahun 1924. Di samping pengajian di al-Azhar, beliau mengikuti pengajian hadith yang dijalankan oleh Sheikh Muhammad Ibrahim al-Samaluti (M. 1355H), seorang ulama hadis yang memiliki *sanad* yang bertemu dengan Imam al-Bukhari.

Pengajian ini berlangsung di Masjid Sayyidina Husain dan Masjid Sayyidah Zainab yang terletak berdekatan dengan Universiti al-Azhar (Faisal 2007). Al-Marbawi sangat teruja dengan kitab *al-Jami' al-Sahih*, karya Imam al-Tirmidhi justeru beliau mendalaminya di bawah bimbingan al-Samaluti. Malah, faktor ini mendorongnya untuk menelaah kitab tersebut sebanyak tujuh kali sebelum menghabiskan masanya selama sepuluh tahun untuk menterjemah dan mensyarahkannya ke Bahasa Melayu (Abdul Salam 2003; Latifah 2008). Guru-gurunya yang lain ialah Sheikh Mahmud Ghunaym, Sheikh Muhammad Bahith, Sheikh Abu al-A'la al-Falaki, Sheikh Muhammad Ali al-Maliki (m.1367/1948M) dan 'Abd al-Wasif bin Muhammad, pentashih *Kamus al-Marbawi*. Keilmuan guru-gurunya ini mencakupi pelbagai bidang. Sheikh Gunaym pula merupakan pakar dalam mazhab Hanafi yang dilantik menjadi mufti kerajaan Mesir sejak muda lagi sehingga bersara. Sheikh Abu al-A'la adalah guru ilmu Falak, yang juga pencetus idea kepada penghasilan *Kamus al-Marbawi* (Faisal 2007). Al-Marbawi juga berguru dengan Sheikh Yusuf al-Hawi, seorang mahir dalam pelbagai bidang ilmu Islam, tetapi lebih dikenali sebagai ulama hadith dan fiqh Islam (Latifah (2008). Kesungguhan al-Marbawi dalam menuntut ilmu di Universiti al-Azhar telah membawa hasil apabila beliau menjadi antara pelajar terawal yang berjaya mendapat ijazah *Syahadah 'Aliyah* dalam bidang Syariah Islam.

Bakat dalam penulisan mula sebatи dalam jiwa al-Marbawi sejak pengajiannya di Pondok Tok Kenali lagi, kemudian digilap semasa pengajiannya di al-Azhar apabila dilantik sebagai anggota sidang redaksi majalah *Seruan al-Azhar* (Faisal 2007; Abu Hanifah & M. Redzuan 2013). Karya-karyanya merangkumi pelbagai bidang iaitu perkamusan, tafsir, hadith, fiqh dan tauhid. Mungkin juga jumlahnya adalah lebih banyak kerana sebahagiannya masih dalam bentuk manuskrip atau tidak sampai kepada generasi kini. Antara karya-karya al-Marbawi yang diterbitkan ialah *Kamus al-Marbawi*, *Ringkasan Kamus Melayu-Arab Bergambar*, *Tauladan Belajar Arabnya yang Senang*, *Qamus al-Jayb 'Arabi-Melayu Latin*, *Kitab Perbendaharaan Ilmu*, *Mu'jam al-Ka'inat*, *Punca Agama dan Pati Hukum Ibadat*, *Nizam al-Hayah Peraturan Hidup Umat Islam*, *Asas Islam*, *Tafsir Qur'an al-Marbawi Juz Alif Lam Mim*, *Tafsir Surah Yasin*, *Bahr al-Madhi*, *Bulugh al-Maram* dan *Kitab Idangan Guru Sahih al-Bukhari dan Muslim*. Minat ini juga mendorongnya menu buhukan syarikat al-Matba'ah al-Marbawiyah pada tahun 1927 bagi mencetak serta membekal kitab Arab dan Jawi (Faisal 2007; Abu Hanifah & M. Redzuan 2013). Antara kitab yang disunting dan diterbitkan oleh beliau ialah *Siraj al-Qari*, *Siraj al-Huda*, *Taj al-Muluk*, *al-Yawaqit wa al-Jawahir* dan *Bidayah al-Mubtadi'wa 'Umdah al-Awlad* (Faisal 2013). Penulisan buku dalam pelbagai bidang menonjolkan keilmuan al-Marbawi, malahan membuktikan iltizamnya untuk berbakti kepada masyarakat. Beliau mengetengahkan beberapa pemikiran kritis bagi mengerakkan kesedaran masyarakat supaya menghayati ajaran Islam.

Kehidupan al-Marbawi banyak dihabiskan di Mesir. Beliau pernah pulang seketika ke Malaysia sekitar tahun 1967 hingga 1969 dan kembali ke Mesir. Pada tahun 1980, beliau pulang semula ke Malaysia bagi menerima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau turut dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan yang pertama pada 1408H/1987M dan Anugerah Pingat Ahli Mahkota Perak pada tahun 1988 oleh baginda Sultan Perak, Sultan Azlan Shah. Beliau terus menetap di Ipoh disebabkan keuzuran sehingga menghembuskan nafas terakhir pada 13 Oktober 1989.

### 3. Pengaryaan al-Marbawi dalam Bidang Tafsir

Penulisan tafsir al-Quran di Malaysia tidak banyak ditemui dan dikesan kecuali selepas abad ke-20M. Malah, penulisan tafsir dalam bahasa Melayu kurang dilakukan oleh ulama dahulu disebabkan oleh sistem pengajian yang terikat dengan kitab tafsir dalam Bahasa Arab yang dibaca sebagai teks dan faktor-faktor sosio-politik justeru kurang memberi galakan bagi mereka menulis (Ismail 1995; Mustaffa 2006; Haziyah & Latifah 2013). Boleh jadi juga sebahagian mereka kurang mampu menulis dalam bahasa Melayu dengan baik disebabkan mereka membesar, belajar dan menetap lama di negara Arab khususnya Makkah dan Madinah. Walau bagaimanapun, keadaan ini mula berubah pada sekitar tahun 1920-an dengan kemunculan beberapa tokoh tempatan, antaranya Muhammad Said bin Umar (m.1932). Beliau menghasilkan sebuah karya tafsir yang lengkap 30 juzuk al-Quran dalam Bahasa Melayu iaitu *Tafsir Nur al-Ihsan* pada tahun 1925 hingga 1927, kemudiannya diterbitkan pada tahun 1934 (Haziyah & Latifah 2014a; 2014b). Tokoh lain yang menyusul selepas itu ialah Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi.

Sebahagian karya tafsir al-Marbawi adalah karya asli, dan ada juga karya terjemahan dan saduran kepada kitab tafsir berbahasa Arab. Nama-nama karya tafsirnya sebagaimana yang disenaraikan oleh Tajudin (1993), Abdul Salam (2003), Faisal (2007), Mazlan, Jawiah dan Mohd Najib (2009), Mustaffa (2009), Nor Azlida (2010) adalah seperti berikut: *Tafsir Qur'an al-Marbawi Juz Alif Lam Mim*, *Quran Bergantung Makna*, *Tafsir Surah Yasin (Terjemahan Tafsir Fath al-Qadir)*, *Tafsir al-Qur'an al-Marbawi*, *Tafsir Quran Marbawi*

*Surah Yasin, Tafsir al-Qur'an Nur al-Yaqin, Tafsir Juz 'Amma dan Tafsir al-Fatihah.* Walau bagaimanapun, tidak semua kitab ini dapat dipastikan kewujudannya manakala sebahagian yang lain tidak dapat ditemui kecuali dalam koleksi individu tertentu. Beberapa kitab tafsir ini juga diperkenalkan dengan nama yang berbeza sedangkan ia adalah kitab yang sama seperti *Tafsir Fath al-Qadir* dan *Tafsir Surah Yasin (terjemahan tafsir Fath al-Qadir)* (Abdul Salam 2003), *Tafsir Qur'an al-Marbawi Juz Alif Lam Mim* dan *Tafsir al-Qur'an al-Marbawi*.

#### i. *Tafsir Surah Yasin Bahasa Melayu*

Karya tafsir pertama yang dihasilkan oleh Sheikh Idris al-Marbawi ialah *Tafsir Surah Yasin Bahasa Melayu*, sebuah terjemahan kepada tafsiran Muhammad bin Ali al-Shawkani (m.1250H) dalam *Fath al-Qadir*. Ia juga dikenali sebagai *Tafsir Fath al-Qadir* dan *Tafsir Surah Yasin (terjemahan tafsir Fath al-Qadir)* serta berkemungkinan ia adalah karya yang sama dengan *Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin*. Meskipun begitu Nor Azlida (2010) berpendapat al-Marbawi menghasilkan dua buah karya tafsir yang berbeza bagi surah Yasin. Salah satu daripadanya adalah terjemahan *Tafsir Fath al-Qadir* yang dicetak pada tahun 1935, manakala karya kedua ialah karya asli al-Marbawi yang bertajuk *Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin*. Tafsir ini adalah hasil gabung jalin tafsiran yang bersumberkan kitab *Tafsir al-Qurtubi* dan *Tafsir Surah Yasin*, karangan Fakhr al-Din al-Razi. Beliau juga menyatakan, al-Marbawi menamatkan penulisan tafsir ini pada tahun 1966, tetapi tahun cetakan pertama tafsir ini pula 1964 (Nor Azlida 2010). Pernyataan ini menimbulkan kekeliruan, justeru penelitian semula wajar dilakukan dengan membandingkan kedua-dua teks tersebut. Rumusan awal kajian ini mendapati kedua-dua nama kitab yang dimaksudkan oleh Nor Azlida, sebenarnya merujuk kepada karya *Tafsir Surah Yasin* yang sama iaitu terjemahan *Tafsir Fath al-Qadir*.

Penterjemahan tafsir Surah Yasin dilakukan atas permintaan *Sharikah wa Maktabah wa Matba 'ah Mustafa al-Babiy al-Halabiyy wa Awladuh*, Mesir dan kemudiannya diterbitkan oleh syarikat yang sama pada tahun 1353H/1935 (Wan Saghir 2008). Penterjemahan surah ini disiapkan oleh al-Marbawi pada akhir bulan Rejab 1353H bersamaan Oktober 1934 dan dicetak buat pertama kali oleh *Matba 'ah Mustafa al-Babiy al-Halabiyy wa Awladuh* pada tahun 1935. Ia juga dicetak oleh *Matba 'ah al-Anwar Kaherah*, Mesir pada akhir Sya'ban 1383H bersamaan Januari 1964 (Wan Saghir 2008). Cetakan yang kedua inilah yang dirujuk oleh Azlida (2010) dalam kajiannya.

#### ii. *Tafsir Qur'an al-Marbawi Juz Alif Lam Mim*


Al-Marbawi menghasilkan karya *Tafsir Qur'an al-Marbawi Juz Alif Lam Mim* di Mesir bagi membantu pelajar Melayu di Universiti al-Azhar yang menghadapi kesukaran memahami kitab-kitab tafsir berbahasa Arab (Nor Azlida 2010). Beliau tidak menyatakan tarikh mula penulisan tafsir ini tetapi mencatatkan tarikh selesainya iaitu malam Isnin 22 Rabiulawal tahun 1357H bersamaan 23 April 1938. Tafsir ini dicetak pada Safar 1357H bersamaan Mei 1938 oleh al-Matba'ah al-Marbawiyah dalam tiga juzuk. Juzuk pertama mengandungi tafsir surah al-Fatihah dan tafsir surah al-Baqarah yang bermula daripada ayat pertama hingga ayat 141. Juzuk kedua pula dimulai dengan ayat 142 hingga ayat 252 manakala juzuk ketiga pula dimulai dengan ayat 253 hingga ayat 286. al-Marbawi menyatakan beberapa buah kitab tafsir yang menjadi rujukannya, iaitu *Tafsir al-Nasafi*, *Tafsir al-Khazin*, *Tafsir Baydawi*, *Tafsir Ibn Abbas*, *Tafsir al-Jalalayn* dan *Tafsir al-Razi* (al-Marbawi 1938; Abdul Salam 2003; Nor Azlida 2010; Muhsin Najib et.al. 2011).

Karya tafsir lain yang dihasilkan oleh al-Marbawi ialah *Tafsir Quran Marbawi yang Ringkas* dan *Quran Bergantung Makna Melayu*. Kedua-duanya masih dalam bentuk manuskrip. Manuskrip ini telah diserahkan oleh waris al-Marbawi, Encik Midhat Abdurrahman kepada Fakulti Pengajian Islam UKM pada 11 Januari 2013. Hasil perbincangan antara tiga pihak iaitu UKM, waris dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), manuskrip ini diserahkan kepada DBP bagi tujuan penyelidikan dan penerbitan. Manuskrip *Tafsir Quran Marbawi Yang Ringkas* terdiri daripada 247 halaman dan ditulis oleh al-Marbawi pada 16 Jamadil Awwal 1338 bersamaan 3 Julai 1939. Ia mengandungi tafsiran surah al-Fatihah sehingga surah al-Isra'. Walau bagaimana pun, terdapat beberapa halaman mashaf al-Qur'an yang tiada pentafsiran sebaliknya tertampal satu halaman teks al-Quran sahaja. Dari aspek gaya penulisan, al-Marbawi hanya menulis potongan bahagian awal ayat yang hendak ditafsirkan, kemudian mentafsirkannya secara ringkas. Kaedah tafsir yang digunakan ini adalah lebih bersifat terjemahan makna ayat al-Qur'an di dalam Bahasa Melayu.

Abdul Salam (2003) menyatakan bahawa al-Marbawi menumpukan kerja penulisannya pada pentafsiran al-Qur'an di akhir hayatnya sehingga berjaya menyelesaikan 22 juz al-Qur'an. Namun, hal ini tidak dapat dipastikan sama ada karya tafsir tersebut merujuk kepada salah satu nama tafsir yang tersenarai di atas, atau ia masih berbentuk manuskrip yang belum ditemui.

#### 4. Analisis Manuskrip *Quran Bergantung Makna Melayu*


Manuskrip *Quran Bergantung Makna Melayu* mengandungi tafsiran surah al-Fatihah sehingga surah al-An'am, ayat 14 dengan 377 halaman kertas termasuk indeks tajuk. Ia mula ditulis oleh al-Marbawi pada 21 Syaaban 1375H, bersamaan 2 April 1956 di Kaherah sebagaimana yang tercatat di halaman depan manuskrip.



Rajah 1: Kulit hadapan manuskrip


##### 4.1 Gaya penulisan

Helaian kertas kajang digunakan sebagai lembaran. Sebagaimana ciri manuskrip Melayu lain, penggunaan pen dakwat hitam sebagai warna utama dan dakwat merah sebagai warna kedua (Asmak, Fatimah & Zaharah 2013). Hitam digunakan untuk menulis teks, manakala merah digunakan untuk ilustrasi kotak badan teks dengan satu garisan dan kotak yang memuatkan ayat-ayat al-Quran dengan dua garisan. Tafsir ini dimulai dengan *khutbat al-kitab* atau prakata diikuti dengan basmalah dan puji-pujian kepada Allah SWT dan selawat ke atas Rasulullah SAW serta lafaz '*amma ba'd*'. Al-Marbawi menjelaskan teknik penulisannya yang menggunakan beberapa simbol huruf sebagai tanda rujukannya kepada kitab-kitab tertentu. Prakata ini dikemukakan dalam dwi bahasa, bahasa Arab dan bahasa Melayu.



Rajah 2: Prakata manuskrip

Badan teks tafsir ini terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama merupakan satu kotak yang dibahagikan kepada dua lajur. Lajur pertama memuatkan pengenalan surah, bilangan ayat dan kedudukan surah sama ada Makkiyyah atau Madaniyyah. Lajur kedua pula mengandungi kumpulan ayat al-Quran yang akan ditafsirkan manakala di bahagian bawahnya, tercatat terjemahan makna perkataan demi perkataan. Ayat-ayat ini ditulis dengan menggunakan *rasm uthmani*. Kotak ini terletak di bahagian tengah halaman. Bahagian kedua pula ialah huraian makna ayat al-Quran. Al-Marbawi mengemukakan nombor ayat dan nas yang lengkap atau potongan-potongan ayat, kemudian mentafsirkan. Ayat al-Quran pada bahagian ini ditulis dengan menggunakan *rasm imla'i*. Di dalam pentafsiran inilah, pembaca akan menemui simbol-simbol rujukan, iaitu: huruf (ج) bagi *Tafsir al-Jalalayn*; huruf (ن) bersumberkan *Tafsir al-Nasafi*; huruf (جم) bagi *Hasyiyah al-Jamal 'ala al-Jalalayn*; huruf (خ)- *Tafsir al-Kazin*, manakala huruf (ا) sebagai penamat huraian yang bermaksud *intaha* (tamat).



Rajah 3: Contoh badan teks

#### **4.2 Teknik pentafsiran dan gaya bahasa**

Al-Marbawi mengaplikasikan pentafsiran secara *tahlili*, iaitu menghuraikan makna sebahagian potongan ayat al-Qur'an dengan bersumberkan kepada ayat al-Qur'an yang lain atau hadis Nabi SAW dan pendapat para Sahabat RA. Kebiasaannya beliau mengemukakan riwayat tersebut secara maknanya sahaja. Pentafsiran ini masih boleh dianggap sebagai ringkas kerana tidak memuatkan pendapat yang pelbagai. Selain itu, beliau mengaplikasikan gaya bahasa berbentuk berima/bersaja'. Contohnya ketika mentafsirkan surah al-Baqarah, iaitu:

“...Telah lalu empat ayat daripada awal surah itu menyebutkan sifat orang-orang mukmin. Dan dua ayat 6-7 itu menyebutkan sifat orang-orang kafir. Dan 13 ayat daripada 8 sampai ayat 20 menyebutkan perihal orang-orang munafik. Serta dikhabarkan ia orang busuk hati – jahat perangai dan benak otak, dan suka mengejek-ngejek, mentertawakan orang, dan terdaftar di dalam al-Quran akan sesat mereka itu, dan buta mata hati mereka itu, dan bergelar mereka itu – si buta – si tuli – si kelu...” (al-Marbawi 1956: 5).

Gaya bahasa berbentuk perumpamaan juga diaplikasikan oleh al-Marbawi bagi menjelaskan lagi makna ayat al-Quran. Misalnya ketika menjelaskan ayat 19 surah al-Baqarah, beliau memberikan gambaran mengenai sifat dan hal keadaan orang munafik seperti orang yang ditimpah hujan yang lebat dengan keadaan gelap serta guruh dan kilat yang berdentum dengan kuat menyebabkan mereka memasukkan jari ke telinga masing-masing kerana takutkan kematian. Beliau menerangkan bahawa hujan diumpamakan seperti al-Quran yang turun dari langit ke bumi kerana al-Quran penghidup bagi hati, sebagaimana hujan menghidupkan bumi yang mati. Bersama hujan itu juga adanya gelap gelita, guruh dan kilat. Maka bersama al-Quran juga ada disebutkan mengenai kufur, nifaq, ugutan, dan janji seksa (azab). Kufur dan nifaq disamakan dengan gelap gelita, dan ugutan dan janji azab yang diserupakkan dengan bunyi guruh. Hujah dan dalil yang terang pula disamakan dengan kilat. Oleh yang demikian, ketakutan dalam situasi hujan seperti ini menyebabkan orang yang ditimpah hujan memasukkan jari ke telinga masing-masing supaya tidak didengari bunyi tersebut sepihama jualah

ketakutan akan ugutan dan janji azab yang dibawa oleh al-Quran menyebabkan orang munafik menutup telinga kerana takutkan kematian yakni takut sekiranya mereka terikut dengan ajaran al-Quran dan beriman kepada Tuhan yang Esa serta terpaksa meninggalkan agama mereka itu (al-Marbawi 1956: 8-9).

#### **4.3 Aplikasi tafsir bersumberkan riwayat (*ma'thur*)**

Al-Marbawi mengaplikasi *tafsir bi al-ma'thur* dengan mentafsirkan ayat al-Quran dengan ayat yang lain dan mentafsirkannya dengan hadis. Kadang-kadang beliau mengemukakan ayat al-Quran dan hadis yang berkenaan, tetapi ada juga secara tidak langsung dengan menyatakan nama surah dan nombor ayat atau makna hadis atau sumber pengambilan hadis sahaja sama ada ia kitab hadis mahu pun kitab tafsir lain. Contohnya, ketika mentafsirkan ayat ketujuh surah al-Fatihah beliau mendatangkan beberapa ayat lain daripada surah yang berlainan iaitu ayat 69 surah al-Nisa', ayat 60 surah al-Maidah dan ayat 77 surah al-Maidah. Ayat-ayat ini menjelaskan dengan lebih lanjut bagaimana kedudukan orang beriman yang dikurniakan hidayah, orang yang dimurkai Allah S.W.T iaitu orang Yahudi, dan orang yang sesat iaitu Nasrani. Pentafsiran al-Quran dengan al-Quran ini hanya dinyatakan nama surah dan ayat sahaja. Maka, para pembaca perlulah merujuk surah-surah yang dinyatakan dalam teks tafsirnya untuk mendapatkan penerangan yang lebih lanjut. Selain itu, bagi mentafsirkan ayat ini beliau merujuk kepada kitab *Tafsir al-Khazin* berdasarkan adanya catatan huruf (ż) dihujung tafsiran (al-Marbawi 1956: 3). Manakala contoh bagi tafsiran al-Quran dengan hadis pula dapat dilihat ketika al-Marbawi menjelaskan ayat 15 daripada surah al-Nisa'. Hadis tersebut berbunyi "Tatkala diterangkan daripadanya maka bersabdalah ia: ambil oleh sekalian daripada kamu daripada aku – ambil oleh sekalian kamu daripada aku, sesungguhnya telah dijadikan Tuhan bagi mereka itu jalli. Diriwayatkan oleh Muslim" (al-Marbawi 1956: 210). Hadis yang digunakan oleh beliau dalam mentafsirkan ayat ini hanya diterangkan maksud hadis sahaja tanpa *matannya* dan dinyatakan juga sumber hadis tersebut iaitu daripada riwayat Muslim.

Beliau turut mengemukakan *sabab al-nuzul* dan pendapat ulama khususnya pemilik kitab tafsir yang dijadikan rujukan, iaitu *Tafsir al-Jalalayn*, *Tafsir al-Nasafi*, *Hasyiyah al-Jamal 'ala al-Jalalayn*, dan *Tafsir al-Khazin*. Contohnya ketika mentafsirkan *sabab nuzul* bagi ayat 43 daripada surah al-Nisa', al-Marbawi menjelaskan bahawa ayat ini diturunkan bagi menyatakan larangan untuk mengerjakan solat secara berjemaah bagi orang yang sedang mabuk kerana meminum arak. Beliau juga menyatakan bahawa; "...Dan kata qila mengenainya: jangan hampir sekalian kamu akan tempat sembahyang yakni pada halnya sekalian kamu orang-orang yang mabuk hingga mengetahui sekalian kamu akan sekalian kamu ucapkan. *Sabab nuzul* ayat ini adalah merujuk kepada kitab *Hasyiyah al-Jamal 'ala al-Jalalayn*, dan *Tafsir al-Khazin* (al-Marbawi 1956: 223). Ternyata beliau berlitzam dengan metode tafsir ini di dalam karya-karya tafsirnya yang lain (Azlida 2010; Muhd Najib et.al. 2011).

#### **4.4 Aplikasi ijtihad dalam tafsir**

Elemen pentafsiran bersumberkan *ra'y* atau *ijtihad* yang *maqbûl* juga diaplikasi dengan mengaitkan makna ayat al-Qur'an dengan permasalahan semasa dan ilmu sains (Azlida 2010). Pendekatan ini dapat memudahkan pemahaman pembaca dan mendorongnya berfikir dan menghayati mesej al-Qur'an. Hal ini didorong oleh keilmuan al-Marbawi dan pengalaman hidupnya di Mesir yang terdedah kepada pelbagai aliran tafsir moden dan idea islah (Nor Syamimi et al. 2014). Contohnya ketika menafsirkan ayat 164 surah al-Baqarah, beliau menjelaskan bahawa pada penciptaan tujuh petala langit dan bumi serta segala makhluk yang terkandung di dalam kedua-duanya adalah salah satu bukti keesaan Allah S.W.T. Bukti ini juga dapat dilihat pada kejadian siang dan malam yang silih berganti, yang ada kalanya tempoh waktu malam lebih pendek daripada siang dan sebaliknya. Selain itu, al-Marbawi menerangkan bukti keesaan Allah S.W.T pada kapal-kapal yang belayar tidak tenggelam ke dasar lautan walau pun ia sarat membawa barang dagangan dan pelbagai muatan lain. Dan Allah S.W.T menurunkan air hujan daripada langit untuk menghidupkan bumi dengan tumbuh-tumbuhan dan ia tidak lagi menjadi mati dan kering. Di samping itu, Allah S.W.T menciptakan dan menyebarkan di bumi akan sekalian yang berjalan, merangkak dan merayap misalnya manusia, mergastua dan unggas. Tanda keesaan Allah S.W.T yang seterusnya adalah pada penciptaan angin yang bergerak daripada utara ke selatan, utara ke timur, timur dan barat dan sebagainya, serta angin ini kadang kala panas dan sejuk. Akhir sekali, beliau menjelaskan tentang kejadian awan yang berarak di antara langit dan bumi dengan tiada bertiang. Semua ini adalah tanda yang menunjukkan keesaan Allah S.W.T bagi kaum yang menggunakan akal untuk memikirkannya (al-Marbawi 1956: 69). Tafsiran ini jelas menunjukkan keupayaan dan keintelektualan al-Marbawi dalam menerangkan makna ayat al-Quran secara kontekstual dan mengaitkan tafsiran secara tidak langsung dengan unsur-unsur sains semasa. Ia sekali gus menjadi panduan kepada para pembaca karya

tafsirnya untuk mentadabur makna al-Quran serta mencungkil pelbagai rahsia yang terkandung di dalam KitabNya.

Selain itu, al-Marbawi juga mengaitkan makna ayat al-Quran dengan ayat hukum (perundangan Islam). Misalnya ketika mentafsirkan ayat 33 daripada surah al-Ma''idah. Beliau menukikan bahawa terdapat beberapa hukuman bagi jenayah tertentu, iaitu hukuman bunuh dijatuhkan ke atas yang membunuh sahaja, hukuman sula ke atas orang yang membunuh dan mengambil harta, hukuman potong kaki dan tangan secara berselang-seli ke atas orang yang mengambil harta dan tidak membunuh, hukuman dibuang negeri ke atas orang menganggu ketenteraman awam sahaja. Riwayat ini diambil daripada Ibn Abbas dan berasaskan mazhab Syafie (al-Marbawi 1956: 293). Justeru al-Marbawi bukan sahaja merujuk secara langsung terhadap al-Quran bagi mentafsirkan ayat al-Quran berbentuk ayat hukum, malahan juga merujuk kitab tafsir lain. Beliau juga cenderung terhadap Mazhab Syafie yang merupakan mazhab yang dipegang oleh majoriti masyarakat Islam di Malaysia.

Oleh yang demikian, Manuskrip *Quran Bergantung Makna Melayu* oleh al-Marbawi menepati keperluan masyarakat dari aspek bahasa penyampaian, gaya penulisan dan usul tafsir. Manakala metode pentafsirannya ialah *tafsir bi al-ma'thur* dan *tafsir bi al-ra'y* serta beberapa elemen lain yang berkaitan dengan kedua-dua metode asas tersebut sebagaimana metode tafsir yang ditemui dalam karya tafsir al-Marbawi yang lain seperti *Tafsir Juz Alif Lam Mim* (Mustaffa 2009; Mazlan, Jawiah & Mohd Najib 2009). Di samping itu, beliau juga adalah seorang ulama dan penulis yang prolifik yang mempunyai keupayaan dan kebolehan mengaplikasikan ilmu-ilmu semasa dalam tafsiran khususnya ilmu sains untuk panduan dan bacaan masyarakat Islam setempat khususnya dan umat Islam lain amnya. Selain itu, kecenderungan beliau terhadap Mazhab Syafie juga menjadikan hasil karyanya berautoriti untuk dijadikan rujukan masyarakat Islam di Malaysia dan lain-lain.

## 5. Kesimpulan

Pendidikan, pengalaman dan pendedahan yang diperoleh oleh al-Marbawi dalam setiap fasa kehidupannya, sama ada di Mesir dan Malaysia membentuk dirinya menjadi seorang ulama yang hebat. Keilmuan beliau dikongsi dengan masyarakat menerusi penulisan karya-karya dalam pelbagai bidang; perkamus, tafsir, hadis dan ibadat. Ini merupakan sumbangan al-Marbawi secara tidak langsung kepada pembangunan sosial dan masyarakat Malaysia. Karya-karyanya dalam bidang tafsir khususnya telah membantu masyarakat mendapat akses kepada kitab tafsir dalam Bahasa Melayu, yang dahulunya boleh didapati dalam Bahasa Arab sahaja. Di samping itu, ia juga menjadi pemangkin kepada pemahaman masyarakat terhadap al-Quran al-Karim. Manuskrip *Quran Bergantung Makna Melayu* merupakan manifestasi kesungguhan al-Marbawi mencapai misi tersebut. Jumlah surah dan ayat yang ditafsirkan oleh beliau adalah terbanyak berbanding kitab-kitab tafsirnya yang lain. Metode pentafsirannya adalah sahih, seimbang antara metode *tafsir bi al-ma'thur* dan *tafsir bi al-ra'y*, manakala bahasa penyampaian dan gaya penulisan yang digunakan adalah jelas serta mudah difahami. Usaha menyelidik sumbangan al-Marbawi dalam bidang tafsir wajar dilakukan secara komprehensif, malah pemikirannya perlu digali dan diketengahkan kepada masyarakat agar dapat diteladani oleh generasi kini. Hal ini kerana karya-karya tafsir ini, sebagaimana buku-buku al-Marbawi yang lain, tidak sekadar memuatkan perbincangan agama tetapi turut menyuntik kesedaran ke dalam jiwa masyarakat Melayu Islam supaya berubah, mencintai budaya ilmu dan menghayati nilai-nilai positif yang disarankan oleh al-Quran dan Hadith, serta mendorong masyarakat mencapai kemajuan dalam hidup.

## Penghargaan:

Artikel ini merupakan sebahagian penyelidikan yang dijalankan di bawah geran penyelidikan UKM-PP-2014-007.

## Rujukan

- Abd Rauf Dato' Haji Hassan Azhari. 2006. Pemikiran Sheikh Mohd Idris al-Marbawi dalam penyusunan Kamus dwibahasa: satu kajian perbandingan terhadap kamus Arab klasik, hlm 1-9 dalam dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara III*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Abdul Salam Muhamad Shukri. 2003. Al-Sheikh Dr. Muhammad Idris al-Marbawi's contribution to Islamic studies in the Malay world, hlm. 87-112 dalam Mohamad@Md. Som Sujimon (ed.). *Monograph on*

- Selected Malay Intellectuals.* Kuala Lumpur: Research Centre International Islamic University Malaysia.
- Abu Hanifah Haris & Mohammad Redzuan Othman. 2013. Sumbangan lepasan Mesir dalam bidang pendidikan dan penulisan di Tanah Melayu dan Indonesia, 1920-an hingga 1970-an. *International Journal of West Asian Studies*. Vol. 5(1): 1-26.
- Anwar Ridwan Zakaria . 2007. *Kitab Idangan Guru Sahih al-Bukhari wa Muslim:* Satu Kajian dari aspek metodologi Huraian Hadith. Disertasi Universiti Malaya
- Asmak Hj. Ali, Fatimah Hj. Salleh & Che Zaharah Abdullah. 2013. Penulisan Manuskip Melayu Islam: Satu Tinjauan Awal dalam *Prosiding Seminar Serantau Manuskip Melayu dan Kearifan Tempatan*.
- Faisal Ahmad Shah. 2006. Kemajuan dan kecemerlangan orang Melayu menurut Mohamed Idris bin Abdul Raof al-Marbawi, hlm. 213-227 dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara III*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Faisal Ahmad Shah. 2007. Metodologi penulisan Mohamed Idris al-Marbawi dalam Bahr al-Madhi. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Universiti Malaya.
- Faisal Ahmad Shah. 2013. *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahr Al-Madhi*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid. 2013. Early development of Quranic exegesis in Malaysia. *International Journal of Asian Social Science* 3(8): 1732-1744. [http://www.aessweb.com/pdf-files/ijass%203\(8\),%201732-1744.pdf](http://www.aessweb.com/pdf-files/ijass%203(8),%201732-1744.pdf) [29 Ogos 2015].
- Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid. 2014a. Sumbangan Muhammad Said Umar dalam perkembangan bidang tafsir di Malaysia, hlm. 134-145 dalam Izziah Suryani Mat Resad@Arshad & Azmul Fahimi Kamaruzaman (penyunting). *Warisan Kecendikian Islam: Sejarah dan Tokoh*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam
- Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid. 2014b. Significance of Malay Qur'anic Commentary for the Malay Muslim Community in Malaysia. *Journal of Asian Social Science*. Vol. 10, No. 16: 160-167. doi:10.5539/ass.v10n16p160 URL: <http://dx.doi.org/10.5539/ass.v10n16p160-167>
- Haziyah Hussin, Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Kharuddin Mohd Amin, Sabri Mohamad, Fadlan Mohd Othman, Mohd Arif Nazri & Faisal Ahmad Shah. 2012. The trend of Malay Quranic commentary writing in Malaysia in the 20<sup>th</sup> century. *Journal of Applied Sciences Research* 8(8): 4343-4349. <http://www.aensiweb.com/old/jasr/jasr/2012/4343-4349.pdf> [29 Ogos 2015].
- Ishak Sulaiman. 2012. T.M. Hasbi Ash-Shiddieqy (1904-1975) dan Sheikh Mohamed Idris al-Marbawi (1896-1989): Tokoh Hadith Prolifik, Ensiklopedik dan Ijtihadik, 104-117. dalam Mazlan Ibrahim, Haziyah Hussin, Latifah Abdul Majid (sunt.). *Warisan Hadith Ulama Nusantara*. Bangi: Penerbit UKM
- Ismail Mat Ludin. 1991. Sheikh Idris al-Marbawi dan Sumbangannya. Latihan ilmiah di Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ismail Yusoff. 1995. Perkembangan penulisan dan terjemahan kitab-kitab tafsir di Malaysia. *Islāmiyyāt* 16: 19-32. <http://ejournal.ukm.my/islamiyyat/article/view/3958/2272> [18 Ogos 2014].
- Latifah Abdul Majid. 2008. The Bahr Al-Madhi of Shaykh Idris al-Marbawi and the Jawahir al-Bukhari of Tuan Haji Husayn: Significance Hadith texts for Malay Muslims as tools for religious, political and social teaching during twentieth century. Tesis Ph.D. University of Wales.
- Mahani Mokhtar. 1990. Sheikh Muhammad Idris bin Rauf al-Marbawi sejarah dan sumbangannya di bidang penulisan. Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir, Mohd Najib Abdul Kadir. 2009. *Pengenalan Tokoh dan Kitab-kitab Tafsir Melayu Ulama Nusantara*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM
- Mohamed Idris bin 'Abd al-Raoф al-Marbawi, 1938. *Tafsir Qur'an al-Marbawi*. Kaherah: al-Matba'ah al-Marbawiyyah,
- Mohamed Idris bin 'Abd al-Raoф al-Marbawi. 1935. *Tafsir Surah Yasin Bahasa Melayu*. Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Babiy al-Halabiy wa Awladuh.
- Mohd Fauzi Hamat, Mohd Nuri al-Amin Endut & Ahmad Husni Hasan. 2006. Hadith sebagai sumber pemikiran kritis: tinjauan terhadap pemikiran al-Shaikh Idris al-Marbawi dalam Kitab Bahr al-Madhi. Hlm. 456-472. Dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara III*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Muhammad Msutaqim Mohd Zarif. 2003. The Bahr al-Madhi of Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi: a preliminary analysis. *Ulam Islamiyyah: Malaysian Journal of Islamic Sciences*. Vol. 2(1): 61-80.
- Muhibb Najib Abdul Kadir, Mohamad Zaid Mohd Zin, Ahamad Asmadi Sakat, Mohd Roslan Mohd Nor, Mohd Arip Kasmo, Latifah Abdul Majid, Fadlan Mohd Othman, Jaffary Awang & Mazlan Ibrahim. 2011. Methodology of al-Marbawi in the interpretation of al-Quran: a study on Tafsir al-Marbawi Juzuk Alif

- Lam Mim. *Advances in Natural and Applied Sciences.* 5(5): 446-451.  
<http://www.aensiweb.com/old/anas/2011/446-451.pdf> [29 Ogos 2015].
- Mustaffa Abdullah. 2006. Pengaruh Sayyid Muhammad Rasyid Rida terhadap pengajian tafsir di Malaysia. *Al-Bayan Journal of Al-Quran & al-Hadith*, 4(May): 1-18.
- Mustaffa Abdullah. 2009. *Khazanah Tafsir di Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Nor Azlida Aziz .2010. Metodologi pentafsiran Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi dalam kitab Tafsir Quran Marbawi. Disertasi Sarjana. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Nor Syamimi Mohd, Haziyah Hussin & Wan Nasryrudin Wan Abdullah. 2014. Scientific exegesis in Malay Qur'anic Commentary. *Asian Social Science* 10(10): 236-242. DOI: 10.5539/ass.v10n10p236 [29 Ogos 2015].
- Tajudin Saman. 1993. *Tokoh Ulama Nusantara*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Wan Mohd Saghir Abdullah. 2008. Sheikh Idris al-Marbawi pengarang Bahrul Mazi. Utusan Malaysia. 8 September.[[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0908&pub=utusan\\_malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_04.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0908&pub=utusan_malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_04.htm) [5 Mei 2014].